

11 MAY 2000

Umno - Reaksi (asing)

TETAMU ASING KAGUM UCAPAN BERANI DAN JUJUR DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Ucapan dasar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan agung Umno ke-54 hari ini, disifatkan oleh tetamu asing sebagai satu kenyataan berani dan jujur.

Jasim Alvikabi, penasihat kepada presiden Parti Sosialis Baath dari Iraq berkata: "Apa yang dikatakannya amat benar dan jujur.

"Apa yang beliau nyatakan adalah baik untuk kebanyakan kuasa politik negara-negara membangun dan mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara merdeka."

Jasim, yang merupakan antara tetamu asing yang diundang menghadiri upacara perasmian perhimpunan agung itu, memberitahu Bernama bahawa beliau berharap kehadirannya akan mengukuhkan lagi hubungan politik dan ekonomi antara Iraq dan Malaysia.

Wakil Kongres Kebangsaan Sudan, Dr Mutaafi, berkata beliau kagum dengan keberanian Dr Mahathir membangkitkan isu-isu serius yang dihadapi oleh Umno dan orang Melayu.

Dr Mutaafi, yang hadir kali kedua, berkata beliau terpesona dengan kemajuan pesat di negara ini di bawah kepimpinan Dr Mahathir yang disifatkannya telah berjaya menangani pelbagai masalah yang dihadapi oleh Malaysia.

Nguon Nhel dari Parti Rakyat Kemboja, berkata beliau memandang tinggi keupayaan Umno dan pemimpin-pemimpin kerana mampu menjadikan Malaysia antara negara paling maju di rantau ini.

Sebanyak 40 wakil parti-parti luar negara menjadi tetamu Umno pada perhimpunan kali ini.

Mohd Nasiruddin Othman, presiden Kelab Umno Jogjakarta yang telah menghadiri perhimpunan agung Umno sejak 1997, berkata ucapan Dr Mahathir kali ini menyedarkan anggota parti tentang peri pentingnya mereka memilih pemimpin secara bersih manakala Ahmad Nazim Ali, ahli jawatankuasa Kelab Umno Chicago, Amerika Syarikat berkata ucapan presiden dapat meniupkan semangat anggotanya.

Syed Fazal Syed Thajudeen, Presiden Kelab Umno New South Wales, Australia berkata ucapan itu memberikan persepsi kepada generasi muda akan perlunya sikap Melayu Baru diterapkan secara positif.

Duta Cuba, Teresita Fernando, berkata ucapan itu boleh menjadi semangat kepada Bumiputera kerana Dr Mahathir memang ikhlas untuk membantu mereka.

--BERNAMA

ara zks mai